

Prof. Ahmad Sukari antara penerima Anugerah Sanggar Sanjung

# Sumbangan penyelidik USM dihargai

um/18-7-12/26/41 JI PS - Raja Perlis

Oleh MOHD. FIRDAUS ISMAIL  
utusanpenang@utusan.com.my

**PULAU PINANG** 17 Julai - Penglibatan dalam pelbagai misi kemanusiaan, termasuk di peringkat antarabangsa melayakkan seorang penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM) menerima anugerah khas yang pertama kali diperkenalkan universiti itu.

Profesor Ahmad Sukari Halim dari Pusat Pengajian Sains Perubatan dipilih sebagai penerima Anugerah Khidmat Masyarakat Kategori Akademik pada Majlis Anugerah Sanggar Sanjung yang disempurnakan Raja Perlis, Tuan Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail yang juga Canselor USM pada majlis gilang-gemilang di sini hari ini.

Turut berangkat Raja Perempuan Perlis, Tuan Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid; Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff serta Naib Canselor USM, Profesor Datuk Omar Osman.

Majlis itu yang diadakan sejak 2001 bertujuan menghargai sumbangan warga universiti berkenaan dalam bidang penyelidikan, pendidikan, perkhidmatan dan industri serta masyarakat.

Seramai 240 kakitangan akademik dari tiga kampus USM menerima anugerah masing-masing termasuk tujuh bagi kategori geran penyelidikan antarabangsa.



AHMAD SUKARI HALIM

Ahmad Sukari berkata, anugerah yang diterima itu menjadi pembakar semangat kepadanya untuk terus berkhidmat kepada masyarakat.

Ahmad Sukari berkata, kini beliau bersama Mercy Malaysia terlibat dengan projek perubatan di Dhaka, Bangladesh iaitu menjalankan pembedahan kepada pesakit kanak-kanak golongan kurang berkemampuan yang menghadapi masalah sumbing bibir dan langit.

“Projek ini bermula sejak 2009 dan setakat ini kami telah berjaya melakukan pembedahan terhadap 287 kanak-kanak di Dhaka serta tu-

rut melatih kakitangan perubatan tempatan dalam pelbagai aspek rawatan sumbing,” katanya.

Sebelum ini pada 2002, Ahmad Sukari terlibat dalam misi bantuan kemanusiaan perubatan dan pendidikan di Iraq sebelum negara itu dilanda peperangan.

Pada 2010, beliau mengetuai satu pasukan untuk membantu membangunkan semula pengajian tinggi di Haiti yang banyak musnah akibat gempa bumi.

Sementara itu, Profesor Madya Widad Ismail dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik pula dipilih menerima sebagai penerima Anugerah Sanjung Industri bagi kategori Akademik.

Profesor Madya Afidah Abdul Rahim dari Pusat Pengajian Sains Kimia pula dipilih menerima Anugerah Sanggar Sanjung Kategori Tokoh yang sebelum ini pernah diiktiraf Kementerian Pelajaran Perancis kerana sumbangannya dalam bidang kimia.

Seorang lagi yang penerima anugerah sama ialah Profesor Rahmah Noordin dari Institut Penyelidikan Perubatan Molekul yang juga merupakan Felo Akademi Sains Malaysia.



TUAN Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail (dua dari kanan) bersama Tuan Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid (kanan) beramah-mesra dengan Rahmah Noordin dan Afidah Abdul Rahim (dua dari kiri) serta Omar Osman (kiri) di Hotel Equatorial Pulau Pinang, semalam.